



Anwar bersalaman dengan jemaah selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Sultan Abdul Samad, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang, semalam. (Foto BERNAMA)

Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri

Penjawat awam terima RM500, pesara RM250

**Bayaran untuk
Gred 56 ke bawah
disalur minggu
depan babit
peruntukan
hampir RMib**

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Sepang: Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam mengumumkan Bantuan Khas Kewangan (BKK) Aidilfitri sebanyak RM500 kepada penjawat awam Gred 56 ke bawah yang akan dibayar mulai minggu depan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga bersetuju menyalurkan BKK Aidilfitri sebanyak RM250 kepada semua pesara kerajaan termasuk veteran berpenecen serta tidak berpenecen.

"Kerajaan menimbang secara serius walaupun pada hemat saya (isu bonus penjawat awam) sudah diselesaikan pada Februari tetapi kerana mengenangkan, pentadbiran itu (kerja) lebih baik, khidmat mereka lebih baik dan kesungguhan yang ada.

"Maka saya putuskan, insya-Allah dalam minggu depan, kita akan salurkan Gred 56 ke bawah, RM500 bagi setiap penjawat awam dan untuk pesara, RM250 termasuk veteran dan veteran tidak berpenecen," katanya

ketika ditemui selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Sultan Abdul Samad KLIA di sini, semalam.

Anwar berkata, penyaluran BKK Aidilfitri kepada semua penjawat awam dan pesara itu membabitkan peruntukan mencecah RM1 bilion.

"Alhamdulillah oleh kerana kita catat pertumbuhan ekonomi lebih baik hasil negara lebih baik dan sumbangan penjawat awam lebih teratur, lebih disiplin, ketirisan masih ada tetapi banyak dikawal.

"Bulan Februari (lalu sudah) diberi bonus dan sekarang ini Ramadan, tekanan untuk keluarga, persiapan untuk Aidilfitri dan ada juga yang mengeluh kos hidup meningkat sedikit," katanya.

Justeru, Perdana Menteri mahu penjawat awam faham kenapa kerajaan sentiasa bertegas dan keras mengenai isu tatakelola bagi mengelak ketirisan dan rasuah.

"Sebab itu penting apabila kita (kerajaan) dapat hasil, kita pulangkan balik kepada rakyat," katanya.

Selain itu, Anwar berkata, Sumbangan Tunai Rahmah (STR) akan diagihkan mulai Isnin depan.

"Untuk STR (peruntukan) mencecah RM1.7 bilion," katanya.

Terdahulu Anwar meluangkan masa bersama 3,000 jemaah menunaikan solat Jumaat di Masjid Sultan Abdul Samad di sini.

Beliau sebelum itu bersama jemaah lain turut mendengar khu-

tbah bertajuk '10 Hari Terakhir Ramadan Memburu Lailatul Qadar' yang disampaikan oleh Ketua Bahagian Jenayah Komersial Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) KLIA, Asisten Superintendan Mohd Shahrizan Samsudin.

Solat Jumaat kemudian diimamkan oleh Imam Besar Masjid Sultan Abdul Samad, Bambang Eirman Bahudin

Usai solat Jumaat, Perdana Menteri yang lengkap berbaju Melayu ungu sempat beramah mesra dengan pengurusan masjid dan kariah serta orang ramai sebelum beredar.

CEUPACS hargai insentif

Sementara itu, Presiden CUEPACS, Datuk Dr Adnan Mat, menghargai keprihatinan kerajaan memberikan BKK pada Aidilfitri tahun ini walaupun penjawat awam baru saja menikmati kenaikan gaji.

"Namun, tradisi pemberian BKK setiap kali Aidilfitri kekal sebagai satu inisiatif yang amat dihargai dan tradisi yang sangat dinanti-nantikan oleh semua penjawat awam bagi memastikan kebajikan mereka serta keluarga terpelihara menjelang perayaan," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata pemberian itu bahawa insentif ini bukan sahaja akan meringankan beban kos persiapan Aidilfitri, malah turut menyuntik semangat dan motivasi kepada seluruh warga perkhidmatan awam untuk terus berbakti dengan lebih cemerlang dan berintegriti.